

01/02/2001

Rakyat perlu bijak tangani globalisasi

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat Malaysia bahawa proses globalisasi yang dilaungkan Barat jika tidak ditangani dengan bijak memungkinkan kemerdekaan negara digugat oleh kuasa besar.

Perdana Menteri menegaskan dalam proses penerimaan konsep globalisasi, apa yang kelihatan berlaku pada masa depan ialah semakin banyak tekanan dan serangan ke atas ekonomi negara lemah oleh kuasa besar.

Sehubungan itu, katanya, globalisasi hendaklah dilaksanakan secara perlahan dengan sasaran tumpuan kepada negara kurang maju di dunia ini.

Beliau berkata, banyak negara lemah yang dimusnahkan oleh kaedah manifestasi globalisasi itu belum pulih.

"Kita lihat misalnya, pembentukan perbadanan dan bank gergasi milik negara-negara kaya. Setiap satu daripada entiti ini sekarang adalah lebih besar daripada mana-mana negara membangun.

"Sebaik saja sempadan (negara) dibuka, gergasi ini akan masuk untuk bersaing dengan bank dan perbadanan kecil di negara membangun. Tidak hairan, gergasi ini akan menang.

"Akhirnya, bank dan perniagaan milik negara membangun ini menjadi muflis dan akan ditelan oleh syarikat gergasi asing," katanya dalam ucapan di pembukaan persidangan perundingan antarabangsa mengenai globalisasi di Hotel JW Marriot, di sini malam ini.

Sidang tiga hari itu dihadiri kira-kira 100 peserta dari 18 negara.

Dr Mahathir berkata, langkah itu memungkinkan tahap kecekapan bertambah baik dan rakyat tempatan yang bekerja dengan syarikat gergasi asing pula mungkin mendapat gaji serta ganjaran lain yang lebih baik.

Beliau mempersoalkan apakah pemilikan asing terhadap segala kekayaan di negara-negara ini akan memberi kepentingan kepada negara dan rakyatnya.

Katanya, kebanyakan negara membangun mempunyai program pengagihan kekayaan bagi menangani masalah sosial.

"Di Malaysia kita membantu masyarakat pribumi mendapat kekayaan negara secara saksama menerusi tindakan tegas. Meskipun program ini mungkin menjejaskan produktiviti dan kecekapan perniagaan, ia adalah baik bagi mengelak ketegangan kaum yang boleh merosakkan perniagaan.

"Pemilik asing tidak berminat dalam masalah sosial negara-negara ini. Mereka mahu memaksimumkan keuntungan. Kerajaan terpaksa menangani masalah sosial dan politik. Maka, apabila ekonomi berada sepenuhnya di tangan asing, kemungkinan masalah sosial serta ketegangan kaum akan terus berleluasa," katanya.

Malah, beliau berkata sudah kelihatan bagaimana Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) campur tangan dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara yang meminjam daripadanya. Pemimpin dan kerajaan terpaksa ditukar mengikut kehendak IMF dan agensi antarabangsa lain.

"Malaysia degil. Malaysia tak tentu arah. Malaysia sinis mengenai globalisasi. Tetapi ia bukan globalisasi dalam erti kata sebenar, sebaliknya tafsiran globalisasi sekarang," katanya.

Dr Mahathir berkata, globalisasi mesti dirancang dengan penuh teliti dan mesti membabitkan setiap orang di mana-mana tempat di dunia ini, bagi kebaikan semua serta terbukti membawa kebaikan untuk semua.

"Sudah pasti globalisasi mesti membabitkan keseluruhan dunia. Hari ini apabila kita bercakap mengenai globalisasi, kita hanya memikirkan pasaran negara maju atau negara membangun.

"Kita berfikir mengenai pembukaan pasaran yang ada. Kita berfikir untuk memaksimumkan keuntungan kita. Tetapi apakah kita tidak berfikir mengenai dunia terutama di negara yang masih mundur," katanya.

Beliau berkata, apa yang perlu diubah ialah cara berfikir dan penerimaan konsep globalisasi adalah bermakna membawa pembangunan untuk seluruh dunia oleh masyarakat antarabangsa.

Bagaimanapun, katanya, tidak ada media antarabangsa yang akan melaporkan apa yang beliau ungkapkan itu dan tiada siapa di dunia yang mahu mendengar ucapannya itu.

Dr Mahathir berkata, globalisasi yang hanya membabitkan sebilangan kecil dunia bukan globalisasi sebenar yang turut membawa aliran kemasukan modal oleh kuasa besar bagi menyerang ekonomi negara lemah.

(END)